



## "ISTIQAMAH DALAM BERAMAL IBADAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْكُمْ يُوحَى إِلَيَّ  
أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَاصْتَقِيمُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ

وَوَيْلٌ لِلْمُشْرِكِينَ

أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya serta selamat di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**ISTIQAMAH DALAM BERAMAL IBADAH**".

## Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Sesungguhnya, istiqamah atau konsisten dalam baramal ibadah atau berada dalam ketaatan merupakan sesuatu yang sukar sekali untuk dilaksanakan. Kerana keimanan itu berada dalam hati. Manakala hati itu atau lafaz arabnya "qalbun" memberi maksud sesuatu yang sifatnya sering berbolak balik. Justeru, ada orang yang paginya beriman, malamnya kufur. Atau paginya dalam ketaatan, malamnya dalam keingkaran. Atau paginya dalam kebaikan, malamnya dalam kealpaan. Kerana hati itu sifatnya sering berbolak balik atau tidak istiqamah serta konsisten.

Hadis daripada Anas bin Malik RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

إِنَّ الْقُلُوبَ بَيْنَ أَصْبَعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ اللَّهِ  
يُقْلِبُهَا كَيْفَ يَشَاءُ

"Sesungguhnya hati-hati itu (diibaratkan) berada di antara dua jari Allah SWT. dan Dia membalik-balikkannya sebagaimana yang dikehendaki."

(Riwayat at-Tirmizi).



Istiqamah memberi maksud mengikuti satu jalan atau konsisten berdasarkan satu panduan. Imam al-Nawawi menjelaskan istiqamah sebagaimana katanya: "*Para ulama berkata bahawa istiqamah adalah sentiasa mengikut ketataan kepada Allah SWT. Inilah istiqamah yang diberikan penekanan oleh al-Quran dan as-Sunnah.*".

Sebagai contoh, mengekalkan solat fardu berjemaah, sentiasa mendirikan Solat Sunat Qabliah dan Ba'diah, istiqamah dalam menutup auratnya, istiqamah dalam menginfakkan hartanya pada jalan Allah dan sebagainya.

Sesungguhnya istiqamah itu amatlah berat. Kerana itu Allah SWT. menjanjikan balasan yang amat besar kepada mereka yang sentiasa beristiqamah.

Firman Allah SWT. dalam surah Fussilat ayat 30:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُواْ رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ أَسْتَقْرُمُواْ تَنَزَّلُ  
عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَا تَخَافُواْ وَلَا تَحْزُنُواْ وَأَبْشِرُوْا  
بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُوْنَ



"Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya (*istiqamah*) dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah



kamu berdukacita dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu."

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Sesungguhnya, istiqamah merupakan sebuah tuntutan agama. Istiqamah adalah tuntutan Islam seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT. dan Rasulnya.

Antaranya ialah firman Allah SWT. dalam surah Hud ayat 112:

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا  
إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ



"Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh (istiqamah) di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah; sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan."

Manakala antara hadis menjelaskan tentang istiqamah ialah sebuah Hadis daripada Sufyan bin Abdullah al-Thaqafi RA. yang memberitahu bahawa Rasulullah SAW. telah ditanya:



يَا رَسُولَ اللَّهِ قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا  
أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا بَعْدَكَ أَوْ غَيْرَكَ؟ قَالَ: قُلْ  
آمَنْتُ بِاللَّهِ فَاسْتَقِمْ

"Wahai Rasulullah! Katakanlah kepadaku satu perkataan tentang Islam perkataan yang aku tidak perlu bertanya kepada orang lain. Maka jawab Rasulullah SAW.: Katakanlah aku beriman dengan Allah kemudian beristiqamahlah."

(Riwayat Muslim).

Melalui ayat al-Quran dan hadis tersebut, jelaslah bahawa istiqamah adalah perintah daripada Allah SWT. Manakala hadis tersebut pula menjelaskan bahawa kunci kejayaan atau panduan dalam kehidupan untuk menuju keredhaan Allah SWT adalah dengan istiqamah. Ada pun penjelasan Rasulullah SAW. terhadap persoalan sahabat tersebut menegaskan bahawa untuk berjaya dan cemerlang di dunia serta akhirat mestilah dengan keimanan yang mantap dan amalan yang berterusan serta konsisten atau istiqamah.

### Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Antara perkara-perkara yang menghalang untuk istiqamah itu ialah apabila seseorang itu menganggap ringan akan dosa-dosa serta maksiat, sentiasa sibuk dengan urusan keduniaan tanpa memikirkan akhirat dan keberadaan dalam persekitaran yang tidak baik sama ada mempunyai rakan-rakan yang rosak akhlak, keluarga yang porak peranda serta hidup dalam masyarakat yang musnah peradabannya. Kesemua ini adalah sebahagian



faktor yang akan melumpuhkan usaha seseorang itu untuk istiqamah memelihara ketaatan kepada Allah SWT.

Antara ciri-ciri istiqamah sama ada melalui amalan hati, amalan lisan dan anggota tubuh badan untuk terus berada dalam ketaatan ialah:

**Pertama:** Melaksanakan ketaatan dengan penuh mujahadah dalam melawan kehendak hawa nafsu. Sesungguhnya iman itu keadaannya menaik dan menurun. Justeru, seseorang muslim itu perlu bermujahadah dalam melaksanakan amal ibadat yang wajib disamping menyempurnakannya dengan amalan-amalan ibadat yang sunat.

**Kedua:** melibatkan diri dengan aktiviti keilmuan. Sesungguhnya ilmu merupakan kunci kepada segala kebaikan. Dengan ilmu seseorang itu akan mengenali, menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Dengan ilmu seseorang akan tahu kewajipannya terhadap Allah SWT. Dengan ilmu perlaksanaan kewajipan terhadap Allah SWT akan lebih cerah, indah dan mudah.

**Ketiga:** Ikhlas dalam mencari ilmu dan beramal. Sesungguhnya keikhlasan merupakan ruh terhadap segala amal ibadah. Apabila sifat ikhlas telah subur di hati maka amal ibadah akan terus subur lahir daripada hati sanubarinya.

**Keempat:** Berdamping atau bersahabat dengan orang-orang salih. Sesungguhnya berdamping dengan orang-orang salih dapat menguatkan lagi semangat untuk terus berada dalam ketaatan kepada Allah SWT. Bahkan, persekitaran yang baik sahaja cukup untuk menyelamatkan kita dari kealpaan apatah lagi apabila kita sering berdampingan dengan orang-orang yang baik, salih lagi taat kepada Allah SWT.



**Kelima:** Bersederhana dalam pengamalan dan tingkah laku. Sesungguhnya bersederhana dalam amalan mengikut keupayaan merupakan penyelamat daripada rasa penat dan jemu yang akhirnya meninggalkan terus amalan tersebut. Sesungguhnya amal yang baik itu ialah sedikit tetapi berterusan. InsyaAllah, bermula dengan yang sedikit pasti berakhir dengan yang banyak apabila telah menjadi kebiasaan.

Antara amalan lain yang turut membantu dalam istiqamah ialah dengan sentiasa beristighfar, berdoa, berzikir, mengingati mati, bertaubat dan sering mengharapkan agar mati dalam keredhaan Allah SWT.

Antara manfaat dan faedah beristiqamah itu ialah seseorang itu akan berada dikalangan malaikat yang membawa rahmat, hati serta kehidupannya berada dalam ketenangan serta kebahagiaan, bahkan syurga dijamin baginya dan rezekinya dimurahkan serta diluaskan oleh Allah SWT.

### **Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita berazam dan bekerjasama kearah ketaatan dengan sama-sama menghidupkan suasana dan persekitaran yang solehah atau persekitaran yang baik supaya menjadi rangsangan dan galakan kebaikan buat kita bersama. Semoga kita sentiasa berada dalam ketaatan, keampunan dan rahmat Allah SWT.

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada khutbah ini ialah:

**Pertama:** Kita hendaklah istiqamah dalam melaksanakan tuntutan agama yang ditegaskan oleh Allah SWT. melalui ayat-ayat al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.



**Kedua:** Kita hendaklah sentiasa mendampingi para ulama dan orang-orang soleh serta menghadiri majlis-majlis ilmu untuk mendisplinkan diri mengejar kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**Ketiga:** Kita hendaklah sentiasa berdoa kepada Allah SWT. Supaya kekal berada dalam ketaatan dan teguh pendirian hingga akhir hayat kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ  
لَدْنَكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ



“(Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya."

(ali Imran : 8).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ، هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُمْ عَلَيْهِ  
وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ  
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ  
بَعَيْنِ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةً مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.  
الَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىْةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَالْجَلَالُ وَالإِكْرَامُ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta



mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجَنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٌ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللهِ، إِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*